

Bil.(17)dmlm.JK/IP 39/54-A.

Jabatan Kehakiman,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur. 01-02.
20hb. Disember, 1979.

1. Setiausaha kepada Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
2. Setiausaha kepada Y.A. Hakim Besar Malaya.
3. Setiausaha kepada Y.A. Hakim Besar Borneo.
4. Semua Setiausaha kepada Y.A.-Y.A. Hakim Mahkamah persekutuan.
5. Semua Setiausaha kepada Y.A.-Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi, Malaysia.

Tuan,

Pekeliling Pendaftar (A) No. 7/79

Rekod (Inventory) Alat-Alat Kelengkapan

Kesempurnaan untuk kediaman Hakim-Hakim.

Saya merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan dengan hormatnya bahawa tuan adalah bertanggungjawab terhadap mengemaskinikan inventory tersebut disamping tugas-tugas biasa dan tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak-pihak berkenaan dari masa kesemasa.

2. Mulai daripada tarikh surat ini diterima, tuan dikehendaki menyemak semua alat termasuk alat dapur dan pinggan mangkuk yang dibekalkan ke kediaman Tuan Hakim, yang telah dibeli dengan perbelanjaan Kerajaan (dari Peruntukan Pentadbiran ini/ yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri/ yang dibekalkan oleh pihak J.K.R.) dan mengambil tindakan untuk mengemaskinikan rekod (inventory) bagi alat-alat tersebut.

3. Setelah berbuat demikian, tuan dikehendaki menghantarkan 1 salinan ke Pentadbiran ini (Bahagian Kewangan) dan 1 salinan ke Penolong Kanan Pendaftar/ Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi yang berkenaan untuk

simpanan di mahkamah Tinggi berkenaan.

4. Adalah ditegaskan disini bahawa tindakan-tindakan yang dihuraikan diatas hendaklah dilaksanakan dengan serta merta dan salinan inventory itu hendaklah sampai ke Pentadbiran ini (Bahagian Kewangan) tidak lewat dari 15.1.80.

Demikian dimaklumkan.

(HAJI WAN MOHAMED BIN HAJI WAN MUSTAPHA)

Ketua Pendaftar.

s.k.

1. Semua Penolong Kanan Pendaftar/
Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi
Malaya dan Borneo.